

utusan
page 19,
27/3/15

See Jong Presiden baharu LIAM

KUALA LUMPUR 26 Mac -
Ketua Pegawai Eksekutif
Tokio Marine Life Insurance
Malaysia Bhd. (TMLM), Toi
See Jong dilantik sebagai
Presiden Persatuan Insurans
Hayat Malaysia (LIAM) baharu
bagi sesi 2015/16 pada Mesyuarat
Agung Tahunan (AGM)
ke-41 persatuan itu, kelmarin.

LIAM menerusi kenyataan
berkata, See Jong dipilih
sebagai presiden persatuan
itu bagi menggantikan
Vincent Kwo yang sebelum
ini mengekalkan jawatan itu
selama tiga tahun, dari 2012
hingga 2015.

“See Jong mempunyai
kelayakan aktuari dari United
Kingdom dan berpengalaman
luas dalam bidang insurans
tempatan dan antarabangsa
selama lebih 25 tahun.

“Beliau berjaya
mengemudi TMLM
menjadi satu daripada
syarikat insurans terbesar
negara ini dengan produk
dan perkhidmatan yang
cemerlang,” kata kenyataan
itu.